

21/05/2000

Kegiatan Rakan Muda dirombak

Raihanah Abdullah

KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan akan merombak kegiatan Rakan Muda dengan mengenal pasti program yang lebih sesuai dan berkesan untuk menarik penyertaan lebih banyak golongan belia di negara ini.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata rombakan itu bagaimanapun, bukan menunjukkan program yang ada ketika ini tidak baik tetapi ia memerlukan kesesuaian dan mengikut perkembangan semasa.

Beliau berkata, ketika ini, program sedia ada belum berjaya sepenuhnya memerangi gejala sosial di kalangan masyarakat belia negara ini walaupun secara umumnya ia dapat menarik perhatian golongan terbabit.

Katanya, buat masa sekarang, hanya Rakan Waja Diri dan Rakan Rekreasi mendapat sambutan menggalakkan manakala lainnya gagal untuk menarik perhatian golongan belia.

Justeru, menurutnya, sudah tiba masanya bagi kementerian meneliti kembali keberkesanan penubuhan Rakan Muda dan semua program yang terkandung di dalamnya.

"Berikutan penularan pelbagai masalah baru dan gejala sosial, program Rakan Muda memerlukan pendekatan yang lebih sesuai dan mengikut perkembangan semasa," katanya selepas merasmikan karnival beli-belah bebas cukai kali keempat di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, di sini, semalam.

Baru-baru ini, beliau mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal-Ehwal Belia yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Melalui penubuhan jawatankuasa khas itu, kementerian akan menyuntik pelbagai idea dan maklumat yang diperolehi daripada golongan belia di negara ini.

"Pelbagai maklumat itu sebenarnya diperolehi sama ada melalui komputer, laman web dan tinjauan kakitangan kementerian terhadap masyarakat belia. Banyak tindak balas yang sudah diterima dan akan dikupas dan dibentangkan dalam jawatankuasa khas itu nanti," katanya.

Dalam ucapannya, beliau berkata, karnival itu dapat membantu meningkatkan lagi pendapatan ekonomi negara dan menyumbang ke arah memperkayakan lagi penggunaan barangan tempatan yang bermutu pada harga berpatutan.

Beliau berkata, ini terbukti apabila karnival ketiga berjaya menarik seramai 3.2 juta pengunjung dengan sejumlah RM195 juta diperolehi sepanjang karnival terbabit.

Katanya, pelbagai kegiatan di kompleks itu juga membuka mata dan minda masyarakat bahawa pembinaan kompleks terbabit bukan sesuatu yang sia-sia sebagaimana digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak yang tidak senang dengan usaha pembangunan kerajaan.

Karnival itu berlangsung di antara 18 Mei dan 4 Jun ini menawarkan pelbagai barangan bermutu dan menarik dengan harga berpatutan.

(END)